

# Grand Saga, PIBG derma pendingin hawa

SK Bukit Raya terima tiga kemudahan beri keselesaan kepada 50 pelajar Program Pendidikan Khas Integriti



Oleh Sarah Sulaiman  
 sarahsulaiman@bharian.com.my

**H**ULU LANGAT: Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Raya menerima bantuan tiga pendingin hawa bernilai RM4,500 untuk kelas kabin sekolah itu di sini, baru-baru ini.

Projek Bantuan Persekolahan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Grand Saga Sdn Bhd (Grand Saga) memberi bantuan dua pendingin hawa, manakala satu oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Bunga Raya.

Bantuan pendingin hawa itu dapat memberi keselesaan kepada 50 pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi di sekolah berkenaan.

Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Hal Ehwal Korporat Grand Saga, Mustapha Kamal Kamaruddin, berkata aktiviti tanggungjawab sosial kepada sekolah terpilih di sekitar kawasan konsesi Lebuhraya Grand Saga itu bermula sejak 2009.

“Kita berharap dengan sumbangan pendingin hawa ini, suasana bilik darjah kabin akan menjadi



**MUSTAPHA** (kanan) menyampaikan alat pendingin hawa kepada Khadijah (dua dari kiri) sambil diperhatikan Ismail di SK Bukit Raya, Hulu Langat.

lebih selesa kepada pelajar integrasi khas terutama ketika cuaca panas,” katanya ketika majlis penyerahan bantuan berkenaan di SK Bunga Raya, baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) DUN Dusun Tua, Ismail Sani dan Guru Besar SK Bunga Raya, Khadijah Nawawi. Khadijah berkata, cuaca panas

dan kering menyebabkan kabin menjadi panas sehingga menyebabkan ada pelajar mengalami masalah kegatalan dan alahan kulit sekali gus menyebabkan hilang fokus

● SAIRIEN NAFIS | BERITA HARIAN



Kita berharap dengan sumbangan pendingin hawa ini, suasana bilik kabin akan menjadi lebih selesa kepada pelajar integrasi khas terutama ketika cuaca panas

**Mustapha Kamal Kamaruddin**

Pembangunan Perniagaan dan Hal Ehwal Korporat Grand Saga

untuk belajar.

“Sumbangan pendingin hawa ini memang kita nantikan dan berterima kasih kepada Grand Saga dan PIBG SK Bunga Raya kerana prihatin kepada masalah yang dihadapi pelajar,” katanya.

Sementara itu, ibu kepada pelajar khas integrasi, Sapartan Bibi Sowlef Ali, 40, berkata beliau berharap selepas ini prestasi pembelajaran anaknya, Ahmad Zahid Ahmad Zain, 13, akan meningkat selari dengan keselesaan kemudahan yang disediakan.